Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 9, e002525
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2525

RESEARCH ARTICLE

Meneroka Perspektif Menangani Ektremisme di Malaysia Melalui Pendekatan Naratif Alternatif Digital

(Exploring Perspectives on Addressing Extremism in Malaysia Through Alternative Digital Narrative Approaches)

Kartini Kamaruzzaman[1*], Ros Aiza Mohd Mokhtar[2]
Abdul Rashid Abdul Aziz[3], Ali Nasser Ali Al-Tahitah[4]
Is'haq Ibrahim Ahmad Bani Melhem[5]

[1]Program Komunikasi Media Baharu, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: kartinikamaruzzaman@usim.edu.my
[2]Program Akidah dan Pengajian Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: rosaiza@usim.edu.my
[3]Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: rashid@usim.edu.my
[4]Program Dakwah dan Penguruan Islam, Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: alinasser@usim.edu.my
[5]Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: ishaq@usim.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Kartini Kamaruzzaman
(kartinikamaruzzaman@usim.edu.my)

KATA KUNCI:
Naratif
Alternatif
Media
Digital
Ekstremisme

KEYWORDS:
Narrative
Alternative
Media
Digital
Extremisme

CITATION:
Kartini Kamaruzzaman et al. (2023). Meneroka Perspektif Menangani Ektremisme di Malaysia Melalui Pendekatan Naratif Alternatif Digital. *Malaysian Journal of Social Sciences and*

ABSTRAK

Kajian menunjukkan isu berkaitan ekstremisme di Malaysia sering ditangani oleh pihak berkuasa melalui penguatkuasaan undang-undang. Kertas kerja ini membincangkan kepentingan untuk menangani isu ekstremisme melalui pendekatan naratif alternatif mengambil kira platform media digital agar usaha untuk menangani ekstremisme dapat ditangani dengan lebih menyeluruh. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan temu bual mendalam yang melibatkan pelbagai latar belakang peserta kajian. Ia termasuklah pakar anti-ekstremisme, tokoh agama, pakar bahasa, pakar tasawuf, wakil Polis Diraja Malaysia, pempengaruh media sosial, pencipta kandungan media sosial, menteri terdahulu di Jabatan Hal Ehwal Agama dan wakil pertubuhan bukan kerajaan. Dapatan kajian yang diperoleh melibatkan pelbagai perspektif menyumbang kepada kefahaman yang menyeluruh dalam memahami perspektif dan pendekatan alternatif naratif digital berkaitan usaha untuk menangani ekstremisme di Malaysia. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah analisa tematik. Tiga tema utama menekankan kepentingan segmentasi audien dalam

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Humanities (MJSSH), 8(9), e002525.
https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2525

usaha membangunkan naratif alternatif, pendidikan dan kesedaran untuk memperkasa tindakan masyarakat, penggunaan dan kemahiran teknologi media digital bagi tujuan naratif alternatif serta implementasi nilai-nilai bersama sebagai usaha yang perlu diterapkan dalam pembangunan naratif alternatif digital.

ABSTRACT

The study indicates that issues related to extremism in Malaysia are often addressed by authorities through legal enforcement. This paper discusses the importance of addressing extremism through alternative narrative approaches, considering digital media platforms, to comprehensively tackle extremism. The study was conducted using qualitative methods, including in-depth interviews with participants from various backgrounds. These participants included anti-extremism experts, religious leaders, language experts, Sufism scholars, representatives from the Royal Malaysia Police, social media influencers, social media content creators, former ministers in the Department of Religious Affairs, and representatives from non-governmental organizations. The research findings, encompassing various perspectives, contribute to a comprehensive understanding of the perspectives and alternative digital narrative approaches related to efforts to combat extremism in Malaysia. The research findings were analyzed using thematic analysis, revealing three main themes emphasizing the importance of audience segmentation in developing alternative narratives, education and awareness to empower community action, the use of digital media technology and skills for alternative narratives, and the implementation of shared values as a necessary endeavor in the development of digital alternative narratives.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini adalah mengkaji pemahaman holistik tentang ekstremisme di Malaysia dan bagaimana naratif alternatif melalui pendekatan digital boleh diimplementasikan sebagai usaha alternatif dalam menghadapi ekstremisme di negara ini. Hasil kajian ini mencadangkan perubahan dalam menangani ekstremisme melalui pemerkasaan naratif alternatif digital yang diperolehi berdasarkan dapatan hasil temu bual melibatkan pelbagai latar belakang sosial peserta kajian.

1. Pengenalan

Kewujuan internet telah menyebabkan peluang kepada pelbagai bentuk aktivisme. Internet menjadi arena penting pengguna biasa, termasuklah kumpulan atau individu ekstremis di seluruh dunia. Platform dalam talian mudah dimanipulasikan untuk kegunaan modus operandi seperti menyebarkan ideologi ekstrem yang boleh merangsang proses radikalisasi. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa kumpulan atau individu ekstremis turut memanipulasi platform dalam talian terutamanya

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

rangkaian media sosial untuk menyebarkan propaganda dan merekrut penyokong baru (Rosand & Winterbotham, 2019).

Sebahagian besar platform digital seperti laman web, rangkaian media sosial dan forum dalam talian dimanipulasikan oleh pihak ekstremis untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti mereka (Miladi, 2016; Steed, 2016). Menurut Griffin (2016), kumpulan ekstremis seperti Daesh menggunakan Twitter untuk meningkatkan keterlihatan pengaruh dan aktiviti selain merekrut ahli yang berpotensi dan menyebarkan ideologi mereka. Ini adalah kerana platform media sosial seperti Twitter dapat dimanipulasikan oleh mana-mana individu untuk berkongsi kandungan melalui gambar, teks, dan pautan kepada pengguna lain. Oleh yang demikian, usaha untuk berhadapan dengan isu-isu ekstremisme perlulah dilakukan secara kolektif agar perkara tersebut dapat diminimumkan sikap radikal atau dan ekstremisme tidak berleluasa dalam masyarakat meskipun angka nya kecil (Samuel, 2018).

Ia juga menunjukkan bahawa, usaha seperti pembinaan dan penyebaran naratif alternatif perlu dipergiatkan dengan melibatkan masyarakat awam termasuklah aktivis sosial, badan bukan kerajaan, individu kreatif, pereka kandungan digital dan pempengaruh yang berfungsi sebagai benteng asas di mana ianya dilihat mampu bergerak secara kolektif untuk membantu menangani ekstremisme yang berleluasa di dalam talian secara bersama. Oleh yang demikian, artikel ini meneroka perspektif dan pendekatan dalam menangani ekstremisme di Malaysia melalui naratif alternatif digital.

2. Sorotan Literatur

2.1. Ekstremisme dan Terrorisme di Malaysia

Terdapat pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh organisasi atau individu ekstremis. Antaranya adalah seperti menjalankan operasi, merancang, mencari sokongan sama ada di dalam mahupun luar negara. Sebagai contoh yang berlaku di Malaysia, Parti Komunis Malaya (PKM) sebelum ini telah melakukan pemberontakan maut terhadap pihak berkuasa semasa pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara (Comber, 2009). Contoh lain juga dapat dilihat bagaimana Jemaah Islamiyah melakukan tindakan keganasan dan serangan maut di Indonesia yang berasal di Malaysia. Sejak tahun 2013, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan lebih dari 559 individu telah ditahan kerana aktiviti berkaitan keganasan. Daripada jumlah tersebut, 506 (90.52%) adalah lelaki, manakala 53 (9.48%) adalah perempuan (United Nation Development Programme, 2022).

Malaysia dilihat telah memulakan langkah inisiatif untuk mencegah ekstremisme melalui penggunaan media digital sejak tahun 2018. Sebahagian usaha yang dijalankan adalah seperti kempen media sosial #SenjataSaya (#MyWeapon) yang dikendalikan oleh *the Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT)* dengan aktiviti *Malaysian Voices Opposing Violent Extremism (MOVE).* Inisiatif ini telah melibatkan lima pempengaruh tempatan dalam pembikinan audio dan video digital untuk disebarkan di platform media sosial SEARCCT, seperti Instagram dan Facebook serta radio tempatan seperti Suria FM, Rakita FM, dan KK12FM. Usaha tersebut bertujuan untuk memperkasakan masyarakat dalam memberikan naratif bahawa setiap individu adalah pahlawan di barisan hadapan yang mempertahankan keamanan negara (United Nation Development Programme, 2022).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.2. Naratif Alternatif

Perkataan naratif bermaksud penceritaan atau kisah yang mana seseorang individu itu dapat memahami tentang sesuatu peristiwa, pengalaman, mahupun konteks atau situasi. Naratif merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat atau pesanan melalui penyampaian cerita. Untuk menangani ekstremisme, penguatkuasaan undang-undang yang terpakai dalam membendung ekstremis mestilah dilaksanakan bersama dengan usaha naratif alternatif.

Dalam konteks media sosial, naratif merujuk kepada pandangan atau penceritaan yang disampaikan atau diterima secara umum dalam masyarakat mengenai sesuatu isu atau topik tertentu. Pembinaan naratif yang berkesan mampu mempengaruhi individu lain untuk memahami atau memaknai dunia di sekeliling mereka di samping membentuk pandangan, persepsi serta sikap terhadap sesuatu perkara. Justeru, naratif alternatif merujuk kepada komunikasi dan aktiviti dalam talian dan luar talian yang bertujuan untuk mengimbangi ideologi ekstremis dan propaganda (sama ada secara langsung dan tidak langsung) menggunakan pelbagai jenis atau mod komunikasi dan platform seperti laman web konvensional, media sosial, blog, dan secara bersemuka (Radicalisation Awareness Network, 2019; Rosand & Winterbotham, 2019). Menurut Briggs dan Feve (2013), aktiviti membangunkan naratif alternatif akan menjadi lebih berkesan jika masyarakat diberikan peranan yang penting.

Naratif alternatif juga dapat difahami sebagai kaedah atau aktiviti untuk membangunkan naratif bagi membidas naratif keganasan yang dibawa oleh ekstremis. Dalam aspek ini, pendekatan naratif tertumpu kepada pembangunan identiti kolektif. Untuk memahami situasi ini, setiap individu yang terlibat dalam pembangunan alternatif naratif akan mempersoalkan sendiri tentang 'siapa diri kita' dan 'apa yang kita diperjuangkan' secara bersama (Briggs & Feve, 2013). Selain itu, naratif alternatif juga dapat dicapai melalui kaedah seperti membangunkan penceritaan berbentuk positif melalui nilai-nilai sosial universal seperti toleransi, keamanan, dan kemanusiaan (Monaci, 2020). Membina naratif alternatif juga melibatkan proses mengenal pasti ideologi atau pendapat ekstrem yang spesifik, sasaran audien, dan platform. Setiap elemen tersebut harus dianalisis secara terperinci agar naratif alternatif menjadi berkesan (Radicalisation Awareness Network, 2019).

Secara keseluruhannya, naratif alternatif boleh dijalankan melalui tiga pendekatan (Radicalization Awareness Network, 2019). Pertama, menyampaikan mesej yang bertentangan dengan mesej ekstremis kerana ianya berfungsi sebagai pendekatan alternatif melalui penggunaan fakta dan statistik. Kedua, mempromosikan nilai dan daya tahan yang merujuk kepada pendekatan yang menggunakan kisah-kisah testimoni mangsa. Ketiga, memberikan gambaran bertentangan yang merujuk kepada pendekatan yang digunakan untuk menentang atau mendedahkan gambaran ekstremis dengan menyediakan gambaran alternatif untuk menunjukkan apa yang berlaku di lapangan seperti pembunuhan warga awam yang tidak berdosa.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Temu bual mendalam dan separa struktur telah dilaksanakan untuk meneroka jawapan bagi soalan yang diajukan dan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci (Lune & Berg, 2017). Dapatan kajian kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisa tematik bagi mengenal pasti

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tema-tema utama. Khususnya, peserta kajian ini dipilih secara selektif. Ia bermakna peserta kajian yang dipilih merangkumi peserta kajian yang mempunyai kriteria (i) pengalaman yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan usaha menangani ekstremisme, (ii) menghasilkan naratif alternatif dan/atau (iii) membina atau menghasilkan kandungan kreatif.

Latar belakang sosial peserta kajian terdiri dari wakil kerajaan, pakar dalam menangani ekstremisme dan deradikalisasi, wakil organisasi bukan kerajaan, pemimpin agama, aktivis, pempengaruh, dan pencipta kandungan yang berpengaruh sebagaimana yang diringkaskan di Jadual 1. Temu bual telah dijalankan sekitar bulan September 2021 sehingga Disember 2021. Butiran peranan peserta yang terlibat dengan kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta Kajian	Peranan
1	Merupakan seorang pakar analisis berkaitan ekstremisme. Beliau juga merupakan ahli Badan Profesional Pusat Antarabangsa '*counter-extremism*' di The Hague, Belanda. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Penasihat Antarabangsa di Global Peace Institute (GPI), United Kingdom.
2	Merupakan jawatankuasa tertinggi Angkatan Belia Islam Malaysia. Beliau pernah terlibat dalam misi kemanusiaan seperti Malaysia For Syria dan Global Peace Mission. Selain itu, organisasi tersebut pernah menjalankan beberapa inisiatif seperti bengkel, dialog, dan latihan berkaitan ekstremisme. Salah satunya adalah ceramah bertajuk 'Peranan Masyarakat Madani dalam Melawan Keganasan dan Ekstremisme' yang dianjurkan oleh the Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT) pada tahun 2018.
3	Merupakan tokoh agama yang berpengaruh dan aktif menyampaikan ceramah agama serta motivasi melalui pelbagai platform dalam talian termasuklah media sosial. Beliau juga merupakan pemenang Pencetus Ummah dan mempunyai lebih daripada 140,000 pengikut di akaun media sosialnya.
4	Merupakan pakar bahasa berkaitan strategi manipulasi yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan ekstremis seperti Daesh. Beliau juga terlibat dalam projek penyelidikan kerajaan Malaysia dalam menangani ekstremisme.
5	Merupakan pakar Tasawuf di Pusat Maklumat Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan secara aktif memberikan ceramah dan perkongsian kandungan berkaitan Tasawuf dan kepercayaan agama.
6	Merupakan wakil badan bukan kerajaan Muslim di Malaysia. Beliau berpengalaman ditahan oleh ISIS semasa misi kemanusiaannya di Syria.
7	Merupakan wakil unit pencegahan ekstremisme dan terrorisme di Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM). PDRM secara konsisten menangani aktiviti keganasan dan ekstremisme di Malaysia daripada pelbagai kumpulan ekstremis dan militan.
8	Merupakan pempengaruh dan pencipta kandungan digital di platform media sosial seperti di YouTube 'Tarbiah Sentap'. Platform tersebut diwujudkan untuk mengajak orang ramai mempelajari ajaran Islam dengan menggunakan kaedah santai dan harmoni. Platform tersebut mempunyai lebih daripada 622,000 pengguna. Manakala seramai lebih dari 482,000 pengikut di Instagram. 'Tarbiah Sentap' sering menyampaikan pelbagai kandungan seperti hiburan, ceramah agama, dan perkongsian.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

9	Merupakan pencipta kandungan digital dan program realiti seperti Imam Muda, Ustazah Pilihan, Tahfiz Muda, dan Karnival Geng Masjid.
10	Merupakan Menteri terdahulu di Jabatan Perdana Menteri bagi Hal Ehwal Agama yang secara konsisten membincangkan ekstremisme termasuk salah faham tentang jihad. Beliau menggunakan beberapa platform seperti khutbah agama, dialog, penulisan artikel dan akaun media sosialnya untuk menyebarkan mesej keamanan dan ajaran Islam.

4. Dapatan Kajian

4.1. Segmentasi Audien dan Usaha Naratif Alternatif

Penggunaan teknologi media digital untuk membangunkan naratif alternatif dalam menghadapi isu ekstremisme, terutamanya dalam konteks agama, perlulah difokuskan kepada segmentasi audien. Ia bermaksud memahami pelbagai lapisan audien di platform dalam talian. Majoriti peserta dalam kajian ini menekankan kepentingan pendekatan dakwah dalam melaksanakan naratif alternatif. Dalam konteks Malaysia, di mana Islam merupakan agama rasmi di samping mempunyai masyarakat yang berbilang agama dan kaum, konsep da'ie (penyampai dakwah), mad'u (penerima dakwah), dan qawaid (kaedah berkdakwah) dianggap sebagai asas penting yang relevan dalam memastikan keberkesanan naratif alternatif. Dapatan ini lebih menumpukan kepada latar belakang negara Malaysia yang memegang agama Islam sebagai agama rasmi berbeza dengan dapatan yang dibincangkan oleh Radicalization Awareness Network (2019) yang mementingkan fakta, kisah-kisah testimoni mangsa dan mendedahkan strategi ekstremis.

Menurut peserta kajian, konsep da'ie sebagai penyampai dakwah perlu difahami dengan jelas. Da'ie perlu mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti dan menggunakan kemahiran komunikasi dan media digital untuk menyebarkan pengetahuan dan meningkatkan kesedaran di kalangan penerima. Pelbagai kaedah berdakwah (qawaid) boleh digunakan seperti menyampaikan maklumat, melaksanakan sesi dialog, atau mencipta kandungan digital dan membina penceritaan berkonsepkan naratif alternatif. Walau bagaimanapun, apabila membina naratif alternatif di platform dalam talian, terutamanya media sosial, kaedah penceritaan yang ringkas perlu dipraktikkan agar ianya mudah difahami oleh orang ramai.

Oleh yang demikian, segmentasi audien melibatkan amalan seperti perancangan terhadap komposisi isi kandungan, kaedah untuk berkomunikasi dengan strategik, dan penyampaian yang berkesan kepada audien. Faktor yang dinyatakan adalah penting agar isi kandungan yang disampaikan dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan dan mengelakkan salah faham di kalangan masyarakat yang menerimanya. Seorang tokoh agama yang juga merupakan berpengaruh di media sosial menekankan pentingnya mana-mana pencipta kandungan agar tidak hanya memiliki pengetahuan yang relevan tetapi juga mempunyai semangat untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dan latar belakang untuk menangani ekstremisme secara kolektif agar ilmu yang ingin disampaikan adalah lebih meluas:

> *"Ketiadaan pengetahuan boleh menyebabkan salah faham dan ini sangat berbahaya. Pelbagai lapisan masyarakat perlu bekerjasama untuk bersatu tenaga dalam naratif alternatif untuk menangani ekstremisme.*

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *Dalam konteks ini, pengetahuan melibatkan bukan hanya aspek akademik tetapi juga pakar lapangan, majlis agama, dan pencipta kandungan"* (Peserta Kajian 3).

Dapatan kajian turut menekankan bahawa segmentasi audien memerlukan kredibiliti dan penguasaan pengetahuan serta kemahiran digital sebagai faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan naratif alternatif. Dalam satu temu bual dengan seorang pencipta kandungan, disebutkan bahawa seorang penyampai (da'ie) harus mempunyai pengalaman yang relevan dalam konteks tertentu seperti dapat menyampaikan maklumat dengan baik, dan menunjukkan keupayaan dan kemahiran komunikasi yang berkesan, termasuk dalam menghasilkan isi kandungan digital dan memberikan respon terhadap reaksi orang ramai. Beliau menyatakan:

> *"Pengalaman saya dalam merancang kandungan media, secara khususnya melibatkan kerjasama dengan para Imam yang terlibat dalam program realiti di televisyen dan media sosial. Semasa itu, tugasan mereka yang kami berikan adalah untuk melihat mereka berinteraksi dengan orang ramai. Misalnya, para Imam perlu tahu bagaimana mengatur ucapan mereka, bagaimana menjawab soalan yang diajukan oleh orang ramai, dan bagaimana berinteraksi dengan masyarakat. Mereka perlu mendapatkan pengalaman praktikal dan berhadapan dengan pelbagai situasi untuk secara berkesan membina dan memberikan respon termasuklah dalam konteks penyediaan naratif alternatif."* (Peserta 9, 5 Disember 2021)

Kedua, untuk membina naratif alternatif yang berkesan, audien (mad'u) harus diklasifikasikan. Berdasarkan dapatan kajian, tahap pertama audien merujuk kepada orang awam, iaitu golongan yang kurang terkesan atau tidak terkesan oleh idea-idea ekstremis. Tahap kedua audien terdiri daripada individu yang cenderung terhadap ideologi ekstrem tertentu, walaupun mungkin tidak melakukannya dalam sebarang tindakan. Tahap ketiga audien mewakili mereka yang mengamalkan ideologi ekstrem dan kemudian mentafsirkannya melalui tindakan. Setiap tahap klasifikasi audien memerlukan pendekatan yang berbeza dan kaedah khusus untuk memastikan keberkesanan kandungan naratif alternatif.

4.2. Pendidikan dan Kesedaran untuk Memperkasa Tindakan

Pembangunan naratif alternatif merangkumi pendidikan dan kesedaran untuk membekalkan individu dengan pengetahuan yang relevan terhadap isu-isu ekstremisme serta memperkasakan mereka secara kolektif untuk bersama membantu menangani ekstremisme. Selain itu, masyarakat juga perlu diberikan pendedahan berkaitan strategi yang kebiasaannya dilakukan oleh pihak ekstremis. Ia membolehkan mereka untuk berhati-hati daripada terperangkap dengan taktik tertentu yang dilaksanakan oleh pihak ekstremis.

Majoriti peserta kajian ini bersetuju bahawa pengetahuan yang relevan berkaitan kedah menangani ekstremisme melalui pendekatan naratif alternatif bermula di sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, kolej-kolej, dan universiti-universiti dalam bentuk kurikulum pendidikan. Manakala kesedaran berkaitan menangani ekstremisme dan bagaimana untuk bersama membanteras ekstremisme perlu terus diberikan kepada khalayak umum. Ini adalah kerana pengaruh ekstremisme boleh berlaku pada pelbagai

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

peringkat hidup, dan sistem pendidikan harus memainkan peranan penting dalam memberikan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menangani ekstremisme secara positif.

Seorang pakar Tasawuf di Pusat Maklumat Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menekankan kepentingan pendidikan dalam menangani ekstremisme dan strateginya, menurutnya:

> *"Untuk mengawal ekstremisme dan cara kerjanya serta membangunkan naratif alternatif, kita perlu memberikan galakkan kepada masyarakat. Iaitu dengan memberikan mereka pendidikan dan kesedaran yang berkaitan agar mereka menyedari pelbagai kaedah dan strategi yang boleh digunakan untuk membina alternatif nararif. Ianya adalah penting agar naratif ekstremis tidak mendominasi ruang platform media sosial atau platform-platform digital yang lain"* (Peserta 5, 9 November 2021).

Pendidikan dan kesedaran juga hadir dari input mangsa atau individu yang telah diradikalisasi kerana mereka mempunyai pengalaman langsung dengan ekstremis atau kandungan yang berkaitan dengan ekstremisme. Dapatan ini seiring dengan yang disebutkan oleh Radicalisation Awareness Network (2019). Pengalaman tersebut dapat menyumbang pengetahuan kepada orang ramai tentang bagaimana seseorang individu boleh terperangkap dengan naratif pihak ekstremis di samping dapat menambah pengetahuan bagaimana naratif alternatif yang berkesan dapat dibangunkan. Justeru, pelbagai tahap pendidikan dan kesedaran kepada orang ramai perlu diteliti agar pendekatan yang sesuai untuk membangunkan naratif alternatif dapat diusahakan.

Ia termasuklah peranan ibu bapa atau penjaga dalam memantau dan membimbing anak-anak mereka. Pendidikan dan kesedaran untuk ibu bapa atau penjaga bermaksud keperluan mempunyai pengetahuan tentang bahan atau sumber ekstrem yang perlu dielakkan. Oleh kerana ekstremisme tidak mengenal sempadan geografi, maklumat mengenai kaedah untuk menangani ekstremisme harus disebarluaskan secara konsisten dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Menteri terdahulu di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama:

> *"Apabila pengetahuan yang relevan dikongsi dengan orang ramai, termasuk ibu bapa, ia membantu mengurangkan risiko anak-anak mereka diradikalisasi dengan bahan yang ekstrem. Menangani isu-isu ekstremisme merupakan cabaran yang besar. Saya percaya adalah penting untuk menyebarkan pengetahuan sedemikian secara berkala agar orang ramai tahu tentang keganasan yang dilakukan oleh ekstremis dan dapat menahan diri dari menyertai mereka."* (Peserta 10, 9 Februari 2022)

Justeru, pendidikan dan kesedaran bermaksud memperkasakan individu agar dapat menyampaikan maklumat yang tepat. Sebagai contoh, dalam konteks agama, ekstremis telah menyebarkan dan memanipulasi hadis palsu untuk membenarkan propaganda dan tindakan keganasan mereka. Kandungan sedemikian mudah disebar dan diakses di internet. Oleh yang demikian, menangani hadis palsu tidak hanya memadai dengan sekadar mengajar orang ramai untuk menyebarkan maklumat yang betul tetapi memperkasakan setiap individu untuk mengambil tindakan yang bersesuaian.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sekiranya pendidikan dan kesedaran telah wujud, maka usaha berterusan untuk membangun dan berkongsi kandungan naratif alternatif dapatlah digerakkan. Melakukan sebaran dan berkongsi maklumat yang relevan dan membina naratif alternatif dalam talian adalah langkah penting untuk membantu lebih ramai orang memahami mengapa ekstremisme berbahaya bagi masyarakat. Apabila individu memahami konteks tersebut, mereka dapat menyedari kepentingan naratif alternatif dalam menangani ekstremisme secara bersama-sama.

Justeru, setiap individu perlu mempunyai kemahiran dalam menggunakan pelbagai jenis atau mod komunikasi dan platform seperti mana yang dibincangkan oleh Rosand dan Winterbotham (2019).

4.3. Teknologi Media Digital dan Naratif Alternatif

Memahami naratif alternatif memerlukan kefahaman mendalam terhadap definisinya. Pengetahuan yang meluas dapat memudahkan pemahaman menyeluruh tentang konsep naratif alternatif untuk menangani ekstremisme. Selain itu, proses bagaimana teknologi media digital boleh dimanfaatkan untuk menguatkan naratif alternatif adalah berkait rapat dengan pendekatan dan inisiatif strategik. Oleh itu, ia berkisar tentang penyebaran dan penerimaan naratif alternatif dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pendekatan utama yang digunakan untuk usaha naratif alternatif di Malaysia adalah seperti berikut:

4.3.1. Kempen Digital

Selain menyediakan infografik, imej visual, atau video pendek, pendidikan kepada audien dan meningkatkan kesedaran juga boleh dilakukan melalui aktiviti yang diatur dan berterusan secara proaktif seperti kempen digital. Kreativiti dan strategi menjadi intipati pembangunan kempen digital agar ianya dapat disampaikan dengan berkesan selain menyatukan orang ramai untuk berkolaborasi secara kolektif. Mesej kesedaran yang ringkas dan mudah difahami adalah penting untuk membuatkan masyarakat awam cakna terhadap isu ekstremisme. Penggunaan media sosial adalah pelbagai meliputi simbol, logo, kata kunci dan kata pagar di mana kesemuanya berupaya menjadi strategi untuk berkempen. Ini adalah kerana hantaran mesej di platform media sosial membolehkan pengguna berkongsi kandungan dalam talian seperti mengemas kini logo tertentu sebagai imej profil mereka, menggunakan kata pagar dan kata kunci yang sama atau berkongsi mesej di laman media sosial. Seperti yang disebut oleh seorang analis dan pakar penentang ekstremisme:

> *"Kita boleh menyampaikan naratif alternatif melalui kempen yang ringkas. Contohnya, memilih warna tertentu atau logo khas untuk menunjukkan perpaduan dan menyatakan matlamat kita serta mengajak orang ramai untuk mengambil tindakan dan menyokong tujuan kempen ini. Kita melihat pengguna media sosial menggunakan warna ataus meletakkan logo yang sama sebagai imej profil media sosial mereka. Ini bermaksud bahawa mereka menyokong dan bahawa kita berjaya menyampaikan mesej kepada orang ramai dengan cara yang sangat mudah"* (Peserta 1).

Usaha naratif alternatif untuk menentang ekstremisme terutamanya berkaitan agama adalah penting. Ini terutamanya kerana ekstremis seperti Daesh secara berterusan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menggunakan pelbagai taktik termasuk menggunakan simbol di platform media sosial untuk menyebarkan propaganda mereka dan merekrut ahli. Oleh itu,pelaksanaan strategi yang serupa menggunakan platform yang sama untuk menyediakan naratif alternatif perlu diambil kira. Seorang pakar bahasa berkata:

> *"Daesh menggunakan simbol. Penggunaan simbol seperti yang anda boleh lihat pada bendera adalah alat kepada mereka. Kita boleh memulakan dengan mencipta simbol yang menybarkan kedamaian atau keamanan dan kemudian menyebarkannya di platform media sosial. Ia memerlukan kreativiti dan praktikaliti"* (Peserta 4).

Peserta kajian turut memaklumkan bahawa untuk menarik audien di media sosial, kempen atau kandungan media sosial perlu menarik dan kreatif. Kempen digital tidak hanya dihasilkan dengan menggunakan teks, tetapi format lain seperti video pendek dan muzik juga digalakkan mengikut estetika platform tersebut. Seorang pempengaruh media sosial yang juga merupakan pencipta kandungan berkata:

> *"Sebagai pencipta kandungan di media sosial, saya cuba membawa usaha-usaha baru dan alternatif untuk menarik perhatian audien. Mesej disampaikan secara kreatif seperti melalui video pendek dan muzik. Khususnya, remaja, kami perasan bahawa mereka suka menonton atau mendengar kandungan yang menarik dan mempunyai kriteria viral. Saya belajar dari kandungan tersebut dan saya mencipta semula kandungan itu dengan mengikut elemen-elemen tersebut tetapi dengan membawa elemen-elemen Islamik dan harmoni. Walau bagaimanapun, jika saya menjumpai kandungan negatif atau mengganggu, saya tidak akan menyertakan dalam kandungan digital tersebut"* (Peserta 8).

Penemuan ini menunjukkan bahawa adalah penting untuk memiliki kemahiran dalam mencipta kandungan yang boleh meningkatkan semangat dan rasa ingin tahu audien. Dalam konteks media sosial, kempen mungkin memerlukan pengikut atau penyokong untuk membantu menyebarkan kandungan bagi mencapai tahap keupayaan disebarluaskan. Walau bagaimanapun, penciptaan kandungan digital yang menarik juga boleh memudahkan penyebaran mesej kempen dengan cepat dan meluas di kalangan pengguna Internet.

4.3.2. Forum dan Dialog Dalam Talian

Sebahagian besar usaha bertujuan untuk menentang ekstremisme terutamanya melalui platform dalam talian, melibatkan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti seperti forum dan dialog. Inisiatif-inisiatif ini direka untuk meningkatkan kesedaran dan mengatasi ancaman yang ditimbulkan oleh ekstremis dan militan. Bagi menyampaikan naratif alternatif media dalam talian, peserta kajian menekankan kepentingan dialog dalam talian sebagai kaedah yang sering diimplementasikan. Dialog melibatkan aktiviti perbualan antara individu atau kumpulan untuk berbincang berkenaan topik atau isu tertentu. Sesi dialog yang dilaksanakan secara dalam talian membolehkan rangkaian yang lebih luas untuk terlibat dalam perbincangan, menggalakkan penyertaan awam, dan mempromosikan inklusiviti sosial.

Dalam usaha memerangi ekstremisme dan membina naratif alternatif, keterlibatan masyarakat dalam dialog boleh menggalakkan pertukaran pandangan di kalangan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

individu yang mempunyai latar belakang sosial yang berbeza. Seperti yang dinyatakan oleh wakil Angkatan Belia Islam Malaysia:

> *"Jika kita mahu orang memahami sebuah agama (Islam) tidak menggalakkan keganasan, kita tidak hanya memberitahu orang bahawa Islam tidak kejam. Tetapi kita perlu memberikan ruang yang sama kepada orang untuk berbincang tentang pendirian mereka sendiri atau organisasi yang mereka wakili. Kita mungkin tidak bersetuju dengan mereka, tetapi platform dalam talian bukanlah komunikasi satu hala. Melalui perbincangan seperti ini kita belajar satu sama lain dan mencari jalan untuk menyelesaikan"* (Peserta 2).

Seorang peserta kajian yang mempunyai pengalaman ditahan oleh ISIS semasa misi kemanusiaannya di Syria menekankan kepentingan untuk terlibat secara konsisten dalam penyebaran maklumat melalui platform dalam talian seperti melalui webinar dan siaran langsung dalam talian untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang awam:

> *"Kami melakukan pelbagai usaha seperti penggunaan dialog dalam talian dan webinar hingga siaran langsung di platform media sosial. Kami dapati bahawa setiap program yang dilaksanakan dihadiri oleh orang dengan pelbagai latar belakang agama dan sosio-politik"* (Peserta 6).

Ceramah dan perbincangan mengenai isu bahayanya ekstremisme yang berkaitan dengan agama juga dijalankan secara dalam talian untuk menarik minat pelajar dan guru di sekolah atau universiti serta terbuka untuk orang ramai sertai. Oleh kerana ekstremisme merupakan isu yang kompleks, adalah penting untuk menyampaikan kandungan dan perbincangan dalam talian menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh orang ramai. Ia amat penting kerana platform dalam talian digunakan oleh individu pelbagai latar belakang. Justeru, ia memerlukan pertimbangan pelbagai faktor yang boleh memberi kesan kepada keberkesanannya. Seperti yang dikatakan oleh seorang pakar sufi:

> *"Di mana asal seseorang terdedah kepada kandungan ekstremis masih tidak diketahui. Jika fokus kita untuk membanteras ekstremis hanya ditujukan kepada golongan yang kita kenali sebagai ekstrem, kemungkinan besar kita tidak dapat mengesan mereka. Saya lihat forum dalam talian boleh dianggap sebagai salah satu kaedah yang berkesan untuk diguna pakai, kerana ia memudahkan perbincangan dan penyebaran pengetahuan"* (peserta 5).

Semasa temu bual dengan pegawai polis dari unit pencegahan ekstremisme dan terrorisme di Polis Diraja Malaysia (PDRM), didedahkan bahawa pelbagai aktiviti dalam talian berbentuk kolaboratif telah dilakukan sebagai pendekatan alternatif untuk menangani ekstremisme. Aktiviti ini telah dijalankan melalui platform seperti Facebook, YouTube, dan saluran media sosial yang lain. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada masyarakat Malaysia. Ia nya juga bertujuan agar langkah awal penglibatan masyarakat dengan kumpulan ekstremis dapat dielakkan. Salah satu contoh aktiviti dalam talian yang dianjurkan oleh Polis Diraja Malaysia adalah

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

melalui penyertaan forum dalam talian dan perkongsian melalui YouTube, dengan kerjasama Akademi YouTube. Seperti yang dinyatakan dalam temu bual:

> *"Sekumpulan pengguna YouTube menyampaikan jemputan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk berkongsi perspektif dan pandangan mereka mengenai gerakan ekstremis dan militan di Malaysia melalui saluran Akademi YouTube. Perbincangan tersebut tertumpu kepada golongan remaja dan dewasa yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menghalang mereka daripada menyertai ekstremis dan kumpulan militan"* (Peserta 7).

Inisiatif dalam talian ini dilihat penting, seperti yang ditegaskan oleh pegawai polis yang berkhidmat dalam mencegah esktremisme dan keganasan di Polis Diraja Malaysia, berikutan penglibatan remaja dan individu Malaysia dalam kumpulan ekstremis dan militan. Aspek yang membimbangkan ialah beberapa individu remaja telah ditangkap kerana memiliki bahan dan alatan untuk membina bom, yang mana telah mereka pelajari melalui platform media sosial seperti YouTube.

Selain itu, unit pencegahan ekstremisme di Polis Diraja Malaysia turut menjalankan aktiviti perkongsian dalam talian yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna internet tentang bahaya yang berkaitan dengan ideologi ekstremis. Aktiviti ini melibatkan penyebaran maklumat mengenai penggunaan logo yang mengandungi ayat al-Quran atau hadith yang digunakan pihak ekstremis. Pihak PDRM turut memberikan tumpuan untuk mendidik individu tentang bahan bacaan yang telah disenarai hitamkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia selain melarang penglibatan masyarakat dalam kumpulan ekstremis dan militan seperti Daulah Islamiah yang dianggap sebagai penglibatan dalam kumpulan yang melakukan aktiviti keganasan dan jenayah.

4.4. Implementasi Nilai-Nilai Bersama Sebagai Usaha Yang Perlu Diterapkan Dalam Pembangunan Naratif Alternatif Digital

Membangunkan nilai-nilai moral melalui usaha naratif alternatif adalah sangat penting seperti mana yang dibincangkan oleh Monaci (2020) kerana kaedah tersebut dapat membangunkan usaha penceritaan berbentuk positif melalui nilai-nilai sosial universal seperti toleransi, keamanan, dan kemanusiaan. Tambahan pula, nilai-nilai moral merangkumi kod tingkah laku yang dianggap betul atau diterima dalam masyarakat tertentu. Istilah "ekstrem" merujuk kepada pendapat atau individu yang menyimpang secara ketara dari pendirian sederhana, terutamanya dalam konteks sosio-politik dan agama. Sebaliknya, "keganasan" melibatkan tingkah laku yang melibatkan kekuatan fizikal dengan niat untuk merosakkan pemikiran. Ini adalah kerana ideologi ekstremis dan tindakan keganasan boleh disebarkan melalui pemikiran dan tindakan.

Apabila menghadapi naratif ekstrem atau keganasan yang dipropagandakan oleh ekstremis, naratif alternatif haruslah menonjolkan aspek positif dari isu atau konteks tertentu. Contohnya, agama-agama yang selalu diberikan gambaran negatif atau dianggap sebagai ekstrem di platform media sosial atau oleh media arus perdana harus mengambil langkah alternatif untuk menyampaikan naratif yang tepat. Menurut peserta kajian, kaedahnya adalah dengan mempromosikan nilai-nilai kedamaian keharmonian, kasih sayang, toleransi, dan perpaduan dalam masyarakat secara lebih meluas agar nilai-

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

nilai negatif boleh ditentang. Oleh itu, naratif alternatif berperanan sebagai cara untuk mengimbangi atau menentang penyebaran nilai-nilai negatif atau ekstrem.

Peserta kajian turut menekankan kepentingan membangunkan nilai-nilai bersama, yang didokong oleh pendidikan. Pengetahuan memainkan peranan penting dalam membentuk karakter yang baik dan mencapai nilai-nilai bersama. Dalam membangunkan nilai-nilai bersama untuk menangani ekstremisme, individu perlu diperkasakan untuk mewujudkan perasaan untuk bersatu padu dalam memerangi ekstremisme. Proses ini menyumbang kepada peningkatan tingkah laku, moral dan pembinaan masyarakat yang lebih baik. Seperti yang dinyatakan oleh wakil jawatankuasa tertinggi Angkatan Belia Islam Malaysia dalam temu bual:

> *"Untuk terlibat dalam naratif alternatif dan mengatasi ekstremisme, masyarakat Malaysia harus memiliki nilai-nilai dan karakter yang baik. Ini hanya dapat dicapai melalui kesedaran dengan ilmu pengetahuan yang relevan dan nilai-nilai bersama. Hanya dengan cara ini identiti bersama boleh dibentuk"* (Peserta 2).

Bagi memastikan usaha pembangunan naratif alternatif berkesan, rakyat Malaysia perlu memahami asbab yang mereka ingin perjuangkan dan keperluan untuk memahami tujuan di sebalik tindakan tersebut. Malaysia terdiri daripada pelbagai identiti yang merangkumi etnik dan latar belakang agama yang berbeza. Justeru, matlamat yang menyatukan rakyat Malaysia dalam kepercayaan dan tindakan kolektif mereka adalah penting. Ini selari dengan pendapat Briggs dan Feve (2013) yang menyatakan pembangunan alternatif naratif memerlukan refleksi individu berkaitan diri dan merungkai apa yang ingin dicapai secara bersama.

Oleh itu, implementasi nilai-nilai murni perlulah diperkasakan dalam pembangunan alternatif naratif dalam kalangan rakyat Malaysia meskipun perbezaan sosial atau agama mereka. Dalam konteks naratif alternatif dan ekstremisme, pendekatan yang relevan, seperti penggunaan slogan atau kata kunci, boleh dibangunkan untuk membolehkan individu memasukkan naratif mereka. Sebagai contoh, memupuk perasaan keselamatan di Malaysia dan secara kolektif menantang ideologi ekstrem agama yang memanipulasi platform media sosial. Pandangan ini dikongsi oleh seorang wakil dari sebuah pertubuhan bukan kerajaan Islam di Malaysia yang juga pernah ditahan oleh Negara Islam (ISIS) semasa misi kemanusiaan di Syria:

> *"Di dalam organisasi kami, kami memberi kuasa kepada orang untuk memupuk Bangsa Malaysia. Ini bermaksud bahawa rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang agama mereka, harus berkongsi nilai-nilai yang sama. Antara nilai-nilai ini, kami menolak keganasan dan ekstremisme. Kami membawa idea Bangsa Malaysia dalam menentang ekstremisme di Malaysia dan menekankan kepentingan pertolongan bersama dalam mencapai kejayaan"* (Peserta 6).

Selain daripada platform rangkaian sosial seperti WhatsApp dan Telegram yang bersifat peribadi dan sulit, platform untuk menyebarkan kandungan naratif alternatif juga perlu mempertimbangkan platform awam. Contohnya, dengan menggunakan Instagram, Facebook, TikTok, dan Twitter untuk mencapai pengguna media sosial. Pelbagai bentuk kandungan boleh dicipta seperti infografik, imej visual, atau video pendek untuk berkongsi nilai-nilai damai dalam agama tertentu atau bagaimana menjadi Muslim yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sederhana dan/atau warga negara yang sederhana. Usaha-usaha seperti ini boleh dilihat sebagai aktiviti yang ringkas tetapi ia adalah asas bagi orang untuk memberi tumpuan kepada sumbangan kecil mereka dalam memberi kuasa kepada apa yang boleh dilakukan oleh orang ramai. Ia juga merupakan titik permulaan untuk membuat langkah yang berskala kecil tetapi memberi impak besar.

5. Kesimpulan

Artikel ini meneroka perspektif individu dan organisasi dari pelbagai latar belakang sosial merangkumi badan bukan kerajaan, aktivis, penghasil isi kandungan kreatif, pencipta kandungan digital, pempengaruh dan menteri agama terdahulu. Artikel ini menekankan kepentingan pembinaan naratif alternatif dan penggunaan teknologi media digital. Ia mengkaji bagaimana teknologi boleh digunakan untuk menyampaikan naratif dalam talian untuk menangani ideologi ekstremis secara alternatif. Hasil kajian juga menunjukkan pentingnya pendekatan da'wah dalam melaksanakan naratif alternatif iaitu dalam memahami segmen audien yang pelbagai serta melibatkan amalan seperti komposisi kandungan, komunikasi strategik, dan penyampaian yang berkesan kepada audien secara dalam talian.

Pendidikan dalam konteks menangani ekstremisme sangat berkait rapat dengan teknologi media baharu. Dalam konteks naratif alternatif, proses pendidikan melangkaui proses sekadar penyediaan maklumat. Ia menekankan kepentingan agar penerima maklumat tidak hanya menerima tetapi juga memahami mesej yang disebarkan. Peningkatan kesedaran tentang ekstremisme amat dititikberatkan kerana ia bertujuan untuk mendidik audien dengan meningkatkan pemahaman intelektual, moral, dan sosial mereka tentang isu melalui penggunaan naratif alternatif.

Penemuan hasil kajian juga membincangkan bagaimana teknologi media digital boleh digunakan untuk memperkasakan naratif alternatif melalui pendekatan dan inisiatif komunikasi strategik. Ia berkisar tentang penyebaran dan penggunaan naratif alternatif dalam masyarakat dengan usaha berterusan yang dilakukan melalui aktiviti seperti kempen sosial, forum dalam talian, dan dialog. Keperluan naratif alternatif dalam menentang ekstremisme, terutamanya yang melibatkan aspek agama adalah penting disebabkan oleh taktik yang digunakan oleh individu atau kumpulan ekstremis yang sering menggunakan simbol dan media sosial untuk propaganda dan bagu tujuan merekrut ahli. Justeru, perlunya masyarakat dididik bentuk komunikasi dan strategi yang diguna pakai di platform media sosial seperti kepelbagaian media dalam sama ada dalam format video, gambar, video pendek dan muzik sejajar dengan estetika media sosial.

Penemuan dapatan kajian juga menekankan keperluan untuk mengembangkan potensi penggunaan aplikasi media digital di kalangan masyarakat Malaysia. Media sosial tidak hanya digunakan untuk membina rangkaian sosial tetapi perlu diterapkan dengan kesedaran dan pendidikan untuk memberi dorongan yang berkesan kepada individu untuk secara kolektif membina naratif alternatif. Ia bermaksud, masyarakat perlu diperkasakan sebagai agen barisan hadapan dan proaktif menangani ekstremisme.

Justeru, masyarakat yang terdidik dengan nilai-nilai bersama akan menggalakkan mereka untuk mengenali kepentingan hidup dengan aman dan selamat. Selain daripada inisiatif sedia ada seperti sistem hubungan '*careline*' yang disebutkan oleh peserta kajian, langkah seterusnya boleh melibatkan pembangunan aplikasi digital yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

memberikan panduan berkenaan tindakan atau kandungan yang dapat memandu mereka berkaitan ilmu pembinaan naratif alternatif bagi tujuan menangani ekstremisme. Aplikasi tersebut jika dibangunkan akan menjadi platform penting untuk orang awam menyumbang idea dan kepakaran dalam menentang ekstremisme.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan

Para penyelidik mengucapkan penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia di atas penganugerahan geran kajian dan responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan

Artikel ini membentangkan hasil kajian di bawah Skim Geran Universiti Sains Islam Malaysia kod PPPI/USIM-RACER_0120/FKP/051000/11320 dengan tajuk 'Online Activism And Alternative Narrative Model In Countering Extremist Violence Narrative In Malaysia'.

Konflik Kepentingan

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Briggs, R. & Feve, S. (2013). *Policy Briefing: Countering Appeal of Extremism Online*. Institute for Strategic Dialogue. https://www.dhs.gov/sites/default/files/publications/Countering%20the%20Appeal%20of%20Extremism%20Online-ISD%20Report.pdf

Comber, L. (2009). The Origins Of The Cold War In Southeast Asia: The Case Of The Communist Party Of Malaya (1948–1960) A Special Branch Perspective. *Kajian Malaysia*, 27(1 & 2).

Griffin, M. (2016). *Islamic State: Rewriting History*. London: Pluto Press.

Lune, H. & Berg, B. L. (2017). *Qualitative Research Methods for the Social Science.* Essex: Pearson.

Miladi, N. (2016). Power and Citizenship in the Social Media Networks: British Muslims, Crime Prevention and Social Engagement. In Sadique, K. and Stanislas, P. (eds.), *Religion, Faith and Crime: Theories, Identities and Issues* (pp.285-306). Palgrave MacMillan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Monaci, S. (2020). Social Media Campaigns Against Violent Extremism: A New Approach to Evaluating Video Storytelling. *International Journal of Communication*, 14 (2020), 980-1003.

Radicalisation Awareness Network. (2019). Preventing Radicalisation to Terrorism and Violent Extremism. https://ec.europa.eu/home-affairs/sites/homeaffairs/files/what-we-do/networks/radicalisation_awareness_network/ran-best-practices/docs/delivering_alternative_narratives_en.pdf

Rosand, E. & Winterbotham, E. (2019, March 20). Do counter-narratives actually reduce violent extremism?. *Brookings*. https://www.brookings.edu/blog/order-from-chaos/2019/03/20/do-counter-narratives-actually-reduce-violent-extremism/

Samuel, T. K. (2018). *Don't-Lah Wei! : Peer-To-Peer Resource Guide on Ensuring Your Kawan-Kawan Never Become Terorrist*. Southeasrt Asia Regional Centre for Counter-Terrorism, Ministry of Foreign Affairs Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia. Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism

Steed, B. L. (2016). *ISIS: An Introduction and Guide to the Islamic State*. California: ABC-CLIO, LLC.

United Nations Development Programme. (2022). Global Annual Report on Prevention of Violent Extremisme (PVE). *One United Nations Plaza, New York, USA. https://www.undp.org/publications/prevention-violent-extremism-2022-annual-report*

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).